



SESI FORUM 1

DASAR GAJI MINIMUM DI MALAYSIA: KESANNYA DAN KESEDIAAN MAJIKAN


**Pembentangan oleh: Prof. Emeritus Tan Sri Anuwar Ali
Canselor, Universiti Cyberjaya &
Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN),
Kementerian Sumber Manusia (KSM)**

5 OKTOBER 2022 (RABU)

Objektif Dasar Gaji Minimum

- 
1. Memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi.
 2. Memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja.
 3. Mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir.
 4. Menggalakkan industri meningkatkan rantaian pengeluaran dengan melabur dalam teknologi intensif dan meningkatkan produktiviti buruh.

Evolusi Perintah Gaji Minimum (PGM) di Malaysia



1 Julai 2013

Majikan yang mempunyai pekerja 5 orang atau kurang.

1 Januari 2023

Majikan yang menggajikan kurang 5 orang pekerja.

Impak Pelaksanaan PGM 2022



1. Terhadap majikan

1. Majikan perlu **mengstruktur semula kos** yang meningkat serta merta.

- Perlu dihubungkaitkan dengan strategi **penggunaan proses pengeluaran yang lebih berintensifkan teknologi**.

2. Merangsang lebih banyak permintaan untuk barang dan perkhidmatan dalam ekonomi

- Membuka peluang untuk **memulihkan perniagaan dan pendapatan** mereka.

Impak PGM 2022

2. Terhadap pekerja



1. Seramai **3.99** juta pekerja akan **menerima manfaat kenaikan gaji minimum** berikutan pelaksanaan PGM 2022.


2. **Peningkatan pendapatan isi rumah:** meningkatkan kuasa beli pekerja dan akan memberi suntikan kepada taraf kesejahteraan masyarakat supaya mencapai **tahap kehidupan wajar**.

3. **Peningkatan caruman KWSP serta caruman PERKESO:**

- Tujuan **simpanan hari tua** dan **jaminan keselamatan sosial**.

4. **Peningkatan kadar bayaran kerja lebih masa (overtime)** kepada pekerja: dapat **meningkatkan motivasi pekerja** seterusnya **produktiviti**.

Cabaran/ Isu Utama



1. Majikan masih tidak yakin pelaksanaan PGM 2022 boleh memberi manfaat kepada mereka; kos pengeluaran mereka meningkat termasuk kos terhadap anjakan gaji bagi pekerja yang sudah menerima gaji yang lebih tinggi sedikit daripada gaji minimum.
2. Isu ketidaksepadanan kemahiran dan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (*underemployment*): Pekerja berkemahiran menerima gaji yang tidak setimpal dengan kemahiran dan kelayakan. Terdapat juga pekerja berkemahiran yang bekerja dalam kategori yang sama tetapi menerima gaji yang rendah.
3. Cabaran utama majikan: Sasaran untuk meningkatkan perolehan teknologi yang terbaik serta kegiatan R&D.
4. Liputan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan: memastikan majikan mematuhi dan hak pekerja dilindungi. Kadar pematuhan mungkin terjejas di kalangan syarikat yang belum berkeupayaan untuk meningkatkan daya pengeluaran seperti tahap sebelum COVID-19.



TERIMA KASIH

<http://minimumwages.mohr.gov.my/>

minimumwages@mohr.gov.my

03-8886 5156

